

07/07/2004

Pas rayu sambung bantuan untuk SAR

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan merayu Kerajaan Pusat menyambung semula bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dikendalikan Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi memantapkan sistem pendidikan agama sekolah berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata bantuan yang dihentikan hampir dua tahun lalu juga diharap disalurkan kepada semua SAR lain di seluruh negara.

Beliau berpendapat, lebih baik kerajaan meneruskan bantuan perkapita bagi mengukuhkan pendidikan berteraskan agama SAR.

Katanya, menerusi dasar kepemimpinan baru sekarang dan atas semangat untuk melihat syiar Islam terus berkembang, SAR wajar terus dibantu.

"Untuk meneruskan kerja YIK menguruskan sistem pendidikan Islam dengan lebih licin, saya berharap benar supaya pihak Persekutuan sambung semula bantuan perkapita kepada SAR," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari YIK, di Balai Islam Lundang semalam.

Kerajaan memberhentikan bantuan perkapita kepada SAR di seluruh negara mulai Oktober 2002 apabila sesetengah sekolah menyalahgunakan bantuan bagi tujuan politik.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed ketika mengumumkan pemberhentian sementara bantuan itu dilaporkan berkata, keputusan itu bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah agama dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Akhbar sebelum ini juga melaporkan sebahagian besar daripada lebih 70 SAR di Kelantan yang dikendalikan YIK dijadikan tempat menyebarkan fahaman politik pembangkang dan menanam semangat kebencian pemimpin negara dan Kerajaan Pusat.

Bantuan perkapita SAR oleh Kerajaan Pusat diberi mengikut bilangan pelajar antara RM90 hingga RM150 bagi setiap pelajar sekolah rendah dan menengah, selain pembayaran gaji guru dan pembelian peralatan sekolah.

Nik Abdul Aziz berkata, masalah jenayah dan pelbagai gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat sekarang sebenarnya berpunca kurang didikan agama.

"Jadi, apalah untungnya kerajaan membelanjakan wang begitu banyak untuk pelajaran kemudian terpaksa pula berbelanja untuk memulihkan penagih, tangkap penagih, peragut dan pengedar pil kuda," katanya.

Ditanya sama ada beliau sedia bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk berunding bagi membolehkan bantuan perkapita SAR disambung semula, Nik Abdul Aziz berkata, ia tidak perlu sampai ke peringkat itu.

"Perkara ini sesuatu yang amat mudah. Yang pasti, dengan sambungan semula, bantuan ini boleh meningkatkan usaha YIK mendidik pelajar yang berpegang teguh kepada didikan agama," katanya.

(END)